



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 27 Julai 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi

67.9 peratus syarikat dari Sabah, Sarawak, Labuan nikmati manfaat

**18,538 kenderaan
berdaftar
bawah kategori
penggunaan
jip dan pikap**

Sandakan: Sebanyak 67.9 peratus syarikat berdaftar di bawah peluasan sektor baharu Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi kategori penggunaan jip dan pikap adalah dari Sabah, Sarawak dan Labuan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata jumlah itu merangkumi 10,453 syarikat dengan 18,538 kenderaan didaftarkan di ketiga-tiga wilayah berkenaan.

Angka berkenaan adalah sebahagian daripada 15,388 syarikat membabitkan 25,781 kenderaan berdaftar di bawah kategori itu di seluruh negara sejak peluasan berkenaan dibuka pada 3 Julai lalu.

"Peluasan kelayakan kepada sektor baharu ini adalah antara penambahbaikan utama pelaksanaan SKDS yang mendapat sambutan positif, sekali gus menunjukkan sebahagian besar syari-

kat penerima manfaat berdaftar di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Inisiatif ini membolehkan perniagaan milikan tunggal dan perkongsian yang menggunakan kenderaan jip dan pikap berdaftar di bawah kelas kegunaan perendirian syarikat menikmati subsidi diesel RM300 melalui mekanisme SKDS," katanya selepas majlis penyerahan fleet card SKDS kepada 15 syarikat sempena penganjuran Festival Jom Malaysia di sini, semalam.

Armizan berkata, dua lagi sektor di bawah SKDS ialah pengangkutan darat awam serta pengangkutan darat bagi barangan keperluan pengguna, dengan syarikat mendapat kelulusan SKDS boleh memperoleh fleet card daripada syarikat minyak bagi pembelian diesel bersubsidi.

Inisiatif ini membolehkan perniagaan milikan tunggal dan perkongsian yang menggunakan kenderaan jip dan pikap berdaftar di bawah kelas kegunaan perendirian syarikat menikmati subsidi diesel RM300 melalui mekanisme SKDS," katanya selepas majlis penyerahan fleet card SKDS kepada 15 syarikat sempena penganjuran Festival Jom Malaysia di sini, semalam.

Kementeriannya turut menggesa syarikat yang memenuhi syarat kelayakan, tetapi masih belum berdaftar di bawah SKDS,



Armizan pada majlis penyerahan fleet card SKDS kepada 15 syarikat sempena penganjuran Festival Jom Malaysia di Sandakan, semalam. (Foto BERNAMA)

supaya segera mengemukakan permohonan menerusi portal MySubsidi.

Armizan menjelaskan kementeriannya hanya bertanggungjawab mengawal selia penyaluran subsidi diesel bagi 35 jenis kenderaan perdagangan, manakala kategori individu menerusi Budi Diesel dan Budi Agri-Komoditi dikawal selia oleh Kementerian Kewangan (MoF).

Minta beri cadangan

Sementara itu, Armizan meminta wakil rakyat Sabah menyalurkan pandangan atau cad-

angan berhubung penyeragaman syarat kelayakan subsidi diesel dan petrol bagi kategori yang tidak membabitkan kenderaan perdagangan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

"Kita sedia maklum ada beberapa perkara dibangkitkan wakil rakyat di Sandakan seperti penyeragaman syarat subsidi untuk individu dan isi rumah membabitkan petrol BUDI95 dan Budi Diesel, permintaan (supaya) syarat sama digunakan warganegara serta ada lesen memandu sahaja.

"Selain itu, syor (supaya isu

mengenai) pendaftaran kenderaan atas nama milikan individu seperti ditetapkan MoF juga boleh disalurkan menerusi platform penyaluran sedia ada antara kerajaan Sabah, Sarawak dan kementerian berkenaan di peringkat Persekutuan," katanya.

Armizan berkata, kementeriannya akan terus bekerjasama rapat dengan MoF, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, syarikat minyak serta semua pihak berkepentingan bagi memastikan SKDS terus diperkukuh dari masa ke semasa. **BERNAMA**

67.9 peratus syarikat di Sabah, S'wak dan Labuan daftar sektor baharu SKDS

Winnie Kasmir

SANDAKAN: Peluasan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi Sektor Pengangkutan Darat (jip dan pikap milik syarikat) menerima sambutan yang amat menggalakkan di seluruh negara dengan Sabah mencatatkan jumlah syarikat berdaftar tertinggi di bawah kategori baharu itu.

Perkembangan positif itu dimaklumkan semasa majlis penyerahan fleet card SKDS yang diadakan bersempena Festival JOM Malaysia di Kompleks Sukan Sandakan pada Ahad, di mana 15 syarikat dari Sandakan menerima fleet card masing-masing selepas berjaya melayakkan diri untuk memperoleh diesel bersubsidi di bawah skim berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata mekanisme subsidi diesel bersasar di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Julai 2026 manakala pendaftaran SKDS telah dibuka sejak 4 Mei lalu. Di bawah program yang diperluaskan itu, perniagaan yang mengendalikan kenderaan jip dan trak pikap milik syarikat kini layak membeli diesel bersubsidi menerusi mekanisme SKDS, sekali gus memberi manfaat kepada perniagaan milikan tunggal dan perkongsian yang menggunakan kenderaan berdaftar di bawah kategori kegunaan syarikat.

Sehingga 23 Julai, sebanyak 15,388 syarikat melibatkan 25,781 kenderaan telah berdaftar di bawah kategori baharu Jip dan Pikap Milik Syarikat di seluruh negara.

Sabah mencatatkan penyertaan tertinggi dengan 5,583 syarikat melibatkan 10,046

kenderaan, diikuti Sarawak dengan 4,713 syarikat dan 8,292 kenderaan, Semenanjung Malaysia dengan 4,935 syarikat dan 7,243 kenderaan, manakala Labuan merekodkan 157 syarikat melibatkan 200 kenderaan.

Secara keseluruhan, sebanyak 67.9 peratus daripada syarikat yang berdaftar di bawah kategori baharu itu adalah dari Sabah, Sarawak dan Labuan, mewakili 10,453 syarikat dengan 18,538 kenderaan.

Bagi ketiga-tiga sektor SKDS iaitu Pengangkutan Awam Darat, Pengangkutan Barangan dan kategori baharu Jip dan Pikap Milik Syarikat, sebanyak 190,012 syarikat melibatkan 493,160 kenderaan komersial telah berdaftar di seluruh negara setakat 23 Julai.

Armizan berkata, angka pendaftaran yang memberangsangkan itu mencerminkan sambutan positif daripada syarikat yang layak, khususnya di Sabah, Sarawak dan Labuan susulan peluasan skim tersebut. Beliau berkata, syarikat yang telah memperoleh kelulusan SKDS perlu mendapatkan fleet card daripada syarikat minyak yang mengambil bahagian bagi membolehkan pembelian diesel bersubsidi dilakukan.

Armizan turut menggesa semua syarikat yang layak tetapi belum mendaftar supaya mengemukakan permohonan melalui portal MySubsidi, selain merakamkan penghargaan kepada syarikat-syarikat minyak atas kerjasama mereka dalam memastikan proses pengeluaran fleet card berjalan lancar.

Sementara itu, Armizan menjelaskan bahawa program subsidi diesel bagi penerima individu berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan (MoF) menerusi inisi-

atif Budi Diesel dan Budi Agri-Komoditi.

Beliau mengakui beberapa isu berkaitan syarat kelayakan telah dibangkitkan oleh pemimpin Sabah termasuk Datuk Samad Jambri, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, Vivian Wong, Datuk Hazem Mubarak Musa dan Mohd Ismail Ayob yang mencadangkan agar syarat kelayakan penerima subsidi diesel individu diselaraskan dengan syarat di bawah program subsidi petrol Budig95.

Menurut Armizan, cadangan itu mengesyorkan supaya kriteria yang sama digunakan seperti di bawah Budig95 iaitu pemohon hanya perlu menjadi warganegara Malaysia dan memiliki lesen memandu yang sah tanpa syarat tambahan bahawa kenderaan mestilah didaftarkan atas nama individu berkenaan seperti yang kini ditetapkan di bawah program Budi Diesel kendalian MoF.

"Memandangkan isu ini melibatkan penerima subsidi individu dan bukannya kenderaan komersial, saya telah meminta wakil-wakil rakyat berkenaan menyalurkan cadangan mereka kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah," katanya. Beliau menjelaskan bahawa satu platform penyelarasan kini telah diwujudkan antara kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dengan Kementerian Kewangan di peringkat Persekutuan bagi membolehkan cadangan seperti itu dipertimbangkan melalui saluran antara kerajaan yang sewajarnya. Armizan menambah KPDN akan terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan, kerajaan negeri Sabah dan Sarawak, syarikat-syarikat minyak serta semua pihak berkepentingan bagi terus memperkukuhkan pelaksanaan SKDS di seluruh negara.



SUMBANGAN Armizan Mohd Ali menyampaikannya kepada sebahagian penerima pada festival Jom Malaysia di Kompleks Sukan Snadakan, pada Ahad.

67.9 peratus syarikat Sabah, Sarawak, Labuan nikmati manfaat SKDS - Armizan

SANDAKAN: Sebanyak 67.9 peratus syarikat berdaftar di bawah peluasan sektor baharu Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi kategori penggunaan jip dan pikap adalah dari Sabah, Sarawak dan Labuan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata jumlah itu merangkumi 10,453 syarikat dengan 18,538 kenderaan didaftarkan di ketiga-tiga wilayah tersebut.

Beliau berkata angka berkenaan merupakan sebahagian daripada 15,388 syarikat melibatkan 25,781 kenderaan berdaftar di bawah kategori itu di seluruh negara sejak peluasan tersebut dibuka pada 3 Julai lepas.

"Peluasan kelayakan kepada sektor baharu ini merupakan antara penambahbaikan utama pelaksanaan SKDS yang mendapat sambutan positif, sekali gus menunjukkan sebahagian besar syarikat penerima manfaat berdaftar di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Inisiatif ini membolehkan perniagaan milikan tunggal dan perkongsian yang menggunakan kenderaan jip dan pikap berdaftar di bawah kelas kegunaan persendirian syarikat menikmati subsidi diesel RM300 melalui mekanisme SKDS," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan fleet card SKDS kepada 15 syarikat sempena penganjuran Festival Jom Malaysia di sini, pada Ahad.

Armizan berkata dua lagi sektor di bawah SKDS ialah pengangkutan darat awam serta pengangkutan darat bagi barangan keperluan pengguna, dengan syarikat mendapat kelulusan SKDS boleh memperoleh fleet card daripada syarikat minyak bagi tujuan pembelian diesel bersubsidi.

Beliau berkata kementeriannya turut menggesa syari-

kat yang memenuhi syarat kelayakan tetapi masih belum berdaftar di bawah SKDS, supaya segera mengemukakan permohonan menerusi portal MySubsidi.

Armizan menjelaskan kementeriannya hanya bertanggungjawab mengawal selia penyaluran subsidi diesel bagi 35 jenis kenderaan perdagangan, manakala kategori individu menerusi Budi Diesel dan Budi Agri-Komoditi dikawal selia oleh Kementerian Kewangan (MOF).

Sementara itu, Armizan meminta wakil rakyat Sabah menyalurkan sebarang pandangan atau cadangan berhubung penyeragaman syarat kelayakan subsidi diesel dan petrol bagi kategori yang tidak melibatkan kenderaan perdagangan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

"Kita sedia maklum ada beberapa perkara dibangkitkan wakil rakyat di Sandakan seperti penyeragaman syarat subsidi untuk individu dan isi rumah melibatkan petrol BUDI95 dan Budi Diesel, permintaan (supaya) syarat sama digunakan warganegara serta ada lesen memandu sahaja.

"Selain itu, syor (supaya isu mengenai) pendaftaran kenderaan atas nama milikan individu seperti ditetapkan MOF juga boleh disalurkan menerusi platform penyaluran sedia ada antara kerajaan Sabah, Sarawak dan kementerian berkenaan di peringkat Persekutuan," katanya.

Armizan berkata kementeriannya akan terus bekerjasama rapat dengan MOF, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, syarikat minyak serta semua pihak berkepentingan bagi memastikan SKDS terus diperkukuh dari semasa ke semasa. **-Bernama.**

Jom Malaysia to propel Sabah products to global markets

THE National Jom Beli Produk Malaysia (Jom Malaysia) Movement is expected to serve as a catalyst in elevating Sabah-made products and brands to the international stage, in line with the 'local to global' aspiration, one of the key focus areas of the Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) 2.0 roadmap.

Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor said the aspirations championed by Jom Malaysia are well aligned with the State Government's economic development agenda, which emphasises sustainable, inclusive and competitive growth through the empowerment of local entrepreneurs and expanded market access.

He said Jom Malaysia is more than just a sales festival or a platform to promote local products, it is a strategic movement that brings together entrepreneurs, the Government, industry players, financial institutions and consumers in building a stronger entrepreneurial ecosystem.

"SMJ 2.0 and Jom Malaysia share the same objective of empowering local entrepreneurs, increasing the value of products and services, and expanding market access to create more economic opportunities for the people.

"This synergy will establish a comprehensive development chain, beginning with entrepreneur empowerment, followed by product development and market expansion, in line with the 'local to global' aspiration," he said when officiating at the Jom Malaysia Festival 2026 at Sandakan Sports Complex in Sandakan on July 25. His speech was read by Deputy Chief Minister III cum Industrial Development, Entrepreneurship and Transport Datuk Ewon Benedick.

Hajiji said Sabah's selection as one of the festival venues reflects recognition of the State's economic strengths and the Federal Government's confidence in Sabah's potential as a key driver of economic growth in East Malaysia.

He said Sabah is not only rich in cultural diversity, heritage and natural resources, but is also home to a growing community of entrepreneurs producing a wide range of locally branded products with high commercial value, including food, handicrafts, fashion, and creative and innovative products from micro, small and medium enterprises (MSMEs).

With an estimated population of 3.8 million last year and a Gross Domestic Product (GDP) of RM88.8 billion, which recorded a growth of 5.1 per cent, Sabah has emerged as one of the largest and most dynamic consumer markets in East Malaysia, he added.

Commenting on the international potential of Sabah products, Hajiji said the achievements recorded by local entrepreneurs last year demonstrated that the State's products are capable of competing in global markets.

He said 124 Sabah small and medium enterprise (SME) entrepreneurs participated in 18 international trade expos in 2025, generating potential sales worth RM95.9 million, an increase of 37.12 per cent from RM60.4 million the previous year.

"This achievement proves that Sabah-made products possess the quality, uniqueness and competitiveness to penetrate global markets. That is why Jom Malaysia should be viewed as a platform capable of creating greater opportunities for local entrepreneurs to grow and expand their markets," he said.

To further strengthen the State's entrepreneurial ecosystem, he said the Sabah Government, through SMJ 2.0, has introduced various initiatives, including the SME-Up Assistance Programme spearheaded by the Industrial Development and Research Department (DIDR), with an allocation of RM15 million to develop 600 MSMEs.

In addition, the Sabah Ready-to-Eat (RTE) Programme has been introduced to help commercialise local food products through development grants, retort machine assistance and halal certification support to enhance product marketability.

Hajiji said both initiatives complement the aspirations of Jom Malaysia in developing competitive entrepreneurs and products that are ready for both domestic and international markets.

Meanwhile, he said the tourism sector also plays an important role in realising the local to global aspiration, particularly in conjunction with Visit Malaysia 2026 and Visit Sabah Year 2027.

He said Sabah recorded 3.79 million visitor arrivals and generated RM8.74 billion in tourism receipts last year, highlighting the sector's significant potential as a catalyst for promoting local products and services.

"Every festival, expo and promotional programme not only encourages the purchase of local products but also provides an avenue to introduce Sabah's identity to tourists from within the country and abroad.

"When tourists enjoy our local cuisine, purchase handicrafts, use our services or take home Sabah-made products, they become ambassadors who introduce the Sabah brand to the international stage. This is the true 'local to global' aspiration that we seek to achieve together," he said.

In this regard, he proposed that the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), together with the State Government, consider organising Jom Malaysia in more strategic destinations across Sabah during Visit Sabah Year 2027 to expand the programme's reach to local entrepreneurs while strengthening the promotion of Sabah products to both domestic and international tourists.

Jangan jual kepada warga asing

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan memberi amaran kepada peniaga supaya tidak menjual minyak masak paket bersubsidi kepada warga asing termasuk etnik Rohingya.

Pengarahnya, Hanif Yusabra Yusuff berkata, orang ramai boleh menyalurkan maklumat kepada pihaknya sekiranya mengetahui terdapat peniaga berbuat demikian.

“Umum tahu bekalan mi-

nyak masak paket bersubsidi hanya untuk warga Malaysia dan warga asing termasuk etnik Rohingya tidak dibenarkan membeli barangan bersubsidi.

“Setakat ini kita belum menerima aduan daripada mana-mana pihak namun kita mengalu-alukan maklumat daripada orang ramai sekiranya mengesan berlaku penjualan kepada warga asing.

“Penjualan minyak masak paket bersubsidi kepada warga asing tidak se-

patutnya berlaku memandangkan pembelian barangan bersubsidi itu menggunakan aplikasi Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS),” katanya ketika ditemui di KPDN Kelantan di sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya, penggunaan eCOSS di Kelantan belum dibuat secara menyeluruh terutama membabitkan daerah luar bandar yang berdepan isu jaringan Internet.

TTPM: 444 kes difailkan dalam 6 bulan

Bukit Mertajam: Kesedaran pengguna di Pulau Pinang terhadap hak mereka untuk menuntut keadilan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) semakin meningkat apabila jumlah pemfailan tuntutan menunjukkan trend pertambahan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang S Jegan (*gambar*) berkata sebanyak 614 tuntutan difailkan pada 2024 sebelum meningkat kepada 777 kes pada tahun lepas manakala 444 tuntutan direkodkan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini sehingga 30 Jun lepas.

"Peningkatan pemfailan tuntutan sejak beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan masyarakat semakin memahami hak mereka sebagai pengguna dan mengetahui sa-



luran yang boleh digunakan bagi mendapatkan pembelaan.

"Perkembangan ini amat positif kerana ia mencerminkan tahap kesedaran pengguna di Pulau Pinang yang semakin tinggi terhadap hak mereka di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 sekali gus menunjukkan usaha advokasi dan penerangan yang dijalankan KPDN selama ini berjaya meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai fungsi TTPM," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui masih terdapat pengguna yang belum mengetahui bahawa mereka boleh membawa pertikaian melibatkan tuntutan tebus rugi ke TTPM tanpa perlu melalui proses mahkamah yang rumit.

Jegan berkata terdapat juga segelintir pengguna yang enggan memfailkan tuntutan walaupun mempunyai hak untuk berbuat demikian kerana beranggapan proses tribunal sukar serta melibatkan kos yang tinggi.

"Hakikatnya, proses di TTPM sangat mudah, cepat dan hanya melibatkan bayaran pemprosesan RM5. Tribunal yang merupakan saluran alternatif yang berkesan bagi menyelesaikan pertikaian pengguna tanpa perlu melalui proses mahkamah yang panjang," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan antara tuntutan yang paling banyak

difailkan di negeri ini membabitkan isu pengubahsuaian rumah dan perkhidmatan rawatan penjagaan kecantikan selain aduan turut banyak melibatkan pembelian barangan elektrik serta perabot.

Beliau berkata bagi kes pengubahsuaian rumah, aduan lazimnya berkaitan kelewatan menyiapkan projek, mutu kerja yang tidak memuaskan atau kegagalan kontraktor mematuhi perjanjian, manakala bagi perkhidmatan kecantikan pula ia melibatkan perkhidmatan yang tidak menepati janji dan kesan sampingan rawatan.

Selain itu, katanya, antara faktor utama yang mendorong pengguna membawa kes ke tribunal ialah kegagalan peniaga memberikan bayaran balik, membekalkan barangan yang tidak menepati spesifikasi dijanjikan serta pelanggaran kontrak.

Penang sees rise in TTPM claim filings, 775 cases resolved last year

BUKIT MERTAJAM: Consumer awareness in Penang of their right to seek redress through the Tribunal for Consumer Claims Malaysia (TTPM) has been increasing, with the number of claims filed showing an upward trend over the past few years.

State Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) director S. Jegan said 614 claims were filed in 2024, rising to 777 cases last year, while 444 claims were recorded in the first six months of this year as of June 30.

"The increase in claims filed over the past few years shows

that the public is becoming more aware of their rights as consumers and knows the proper channel to seek redress.

"This is a very positive development as it reflects the growing level of consumer awareness in Penang of their rights under the Consumer Protection Act 1999, while also indicating that KPDN's advocacy and public awareness efforts have been successful in improving public understanding of the role of the TTPM," he told Bernama.

However, he acknowledged that some consumers are still unaware that they can bring

disputes involving claims for compensation before the TTPM without having to go through complicated court proceedings.

He also said that some consumers are also reluctant to file claims despite being entitled to do so, as they perceive the tribunal process to be difficult and costly.

"In reality, the TTPM process is simple, fast and requires only a RM5 processing fee.

"The tribunal serves as an effective alternative avenue for resolving consumer disputes without having to go through lengthy court proceedings," he said.

Elaborating, Jegan said the most common claims filed in the state involve home renovation works and beauty treatment services, while a significant number of complaints also relate to the purchase of electrical appliances and furniture.

He said home renovation complaints typically involve delays in project completion, unsatisfactory workmanship, or contractors failing to comply with the terms of the agreement.

"Claims involving beauty treatment services, meanwhile, generally concern services that do not match what was

promised, treatment side effects, or packages that differ from those advertised," he said.

He added that among the main factors prompting consumers to bring cases before the tribunal are traders' failure to provide refunds, the supply of goods that do not meet the promised specifications, and breaches of contract.

"A total of 262 cases were resolved as of June 30, while 775 of the 777 claims filed last year have also been settled, with the remaining two cases still pending following applications for postponement by the claimants." — Bernama



▲阿来占指出，SKDS新增“公司私用——吉普及货车”类别反应热烈，受惠企业近七成来自沙巴、砂拉越及纳閩。（图：KPDN）



▲阿来占（左四）移交SKDS车队卡予受惠企业的代表。（图：KPDN）

SKDS公司私用類別反應熱

東馬近七成企業受惠

（山打根26日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿来占表示，“补贴柴油管制系统”（SKDS）新增的“公司私用——吉普及货车”类别反应热烈，截至2026年7月23日，全国共有1万5388家公司受惠，其中高达67.9%，即1万453家公司来自沙巴、砂拉越及纳閩，显示东马企业对这项柴油补贴措施需求殷切。

截至7月23日，全国共有19万12家企业名下49万3160辆车辆注册SKDS。随着沙巴、砂拉越及纳閩自7月1日起全面落实定向柴油补贴，新增的“公司私用——吉普车及货车”类别自7月3日开放申请后，获得业界积极响应。

阿来占今日在山打根体育馆出席“来买马来西亚产品”（JOM MALAYSIA）活动，并主持SKDS车队卡（Fleet Card）移交仪式时说，此次山打根共有15家公司获发车队卡，可购买补贴柴油。

内贸部监管商车补贴发放

阿来占说，国内贸易及生活费部负责监管35类商用车辆的柴油补贴发放，而个人柴油补贴则由财政部通过昌明柴油补贴计划（BUDI Diesel）及昌明农业商品补贴计划（BUDI Agri-Komoditi）负责。

他指出，SKDS此前已涵盖陆路公共交通类别及消费必需品运输类别，自7月3日起增设“公司私用——吉普及货车”类别，让注册为“公司私用”用途的吉普及货车，也可通过SKDS机制享有柴油补贴。

根据KPDN统计，截至7月23日，全国共有1万5388家公司名下的2万5781辆吉普及货车注册该新类别。其中，沙巴共有5583家公司，1万零46辆车辆；砂拉越4713家公司，8292辆车辆；纳閩157家公司，200辆车辆；西马则有4935家公司，7243辆车辆。

阿来占说，沙巴、砂拉越及纳閩合计共有1万453家公司名下的1万8538辆车辆受惠，占全国受惠企业总数近七成。

“获批企业接下来须向石油公司领取车队卡，方可购买补贴柴油，我们感谢石油公司积极配合，确保合格企业顺利取得车队卡。”

他呼吁符合资格但尚未注册SKDS的企业，尽快通过

“MySubsidy”门户提出申请。其部门将继续与财政部、沙巴及砂拉越政府、石油公司及各方保持紧密合作，持续优化SKDS落实机制。

商讨统一BUDI补贴申请条件

另一方面，阿来占透露，山打根多名国州议员已向他反映，希望统一BUDI汽油补贴与BUDI Diesel柴油补贴的申请条件，即只须是马来西亚公民并持有有效驾驶执照，无需如现行BUDI Diesel规定般，车辆必须登记在申请人名下。

他说，由于有关建议涉及个人柴油补贴政策，并非商用车辆补贴，因此他已建议相关议员通过沙巴政府秘书提呈意见，交由沙巴、砂拉越与联邦财政部现有协调平台进一步研究。



▲面食类是常所需食品之一，在“昌明销售计划”中以实惠价格售卖。（部长办公室供图）▲阿拉明（右三）确保政府津贴食油真正惠及人民。（部长办公室供图）

柴油補貼吉普車貨卡 受惠公司 67.9% 來自東馬



■马石油公司贸易部消防部门代表莫哈末费鲁兹（左2）向企业代表移交SKDS车队卡；阿米占（右2）在场见证。

（山打根26日讯）柴油补贴管制系统（SKDS）扩大新增领域后，以吉普车及货卡用途类别注册受惠公司中，有67.9%来自沙巴、砂拉越及纳闽。

国内贸易及生活成本部长拿督阿米占说，东马2州1联邦直辖区有1万453家公司，1万8538辆注册车辆受惠。

他指出，自本月3日开放新增领域申请后，全国已有1万5388家公司注册2万5781辆符合该类别的车辆，而上述数据是其中一部分。

擴大補貼資格

“将资格扩大至这项新增领域，是SKDS落实方面的重要改善措施之一，也获得正面反应，显示大部分受惠企业都注册于沙巴、砂拉越及纳闽。”

他强调，这项措施让使用登记为企业私人用途类别的吉普车及货卡的个体户与合

夥企业，可透过SKDS机制享有每月300令吉的柴油补贴。

阿米占今日在山打根“来买马来西亚产品”（Jom Malaysia）嘉年华上，为15家公司移交SKDS车队卡后，接受媒体访问时，这么说。

另外，他要求沙巴州国会议员，若对于不涉及商业车辆类别的柴油及汽油补贴资格统一化有任何意见或建议，可透过沙巴州政府秘书向相关单位反映。

“我们知道，一些山打根人民代议士已提出数项课题，包括统一个人及家庭类别的仁政昌明95汽油补贴机制（BUDI95）与“昌明补贴柴油机制”（BUDI Diesel）条件，以及要求只有持有驾照的公民才能使用相同的条件。

他建议财政部，可将以个人名义登记车辆的问题，通过沙巴、砂拉越和中央相关部门之间现有的协调平台进行处理。

他说，当局将继续与财政部、沙巴和砂拉越政府、石油公司以及利益相关方密切合作，确保SKDS不断得到加强。

逾1.5萬公司登記SKDS 2.58萬皮卡享柴油補貼

(山打根26日讯) 截至7月23日，共有1万5388家公司、涉及2万5781辆公司名下的吉普车(Jip)及皮卡(Pikap)，成功登记柴油补贴管制系统(SKDS)。

国内贸易及生活成本部长拿督阿米占表示，自7月3日起，政府将公司名下吉普车及皮卡纳入SKDS补贴范围，这是该制度的重要优化措施之一，让独资企业及合伙企业能通过相关机制享有柴油补贴。

沙砂纳闽67.9%公司受惠

他指出，在已登记的公司中，共有1万453家公司、涉及1万8538辆车来自沙巴、砂拉越及纳闽，占整体受惠者的67.9%。

“这显示沙巴、砂拉越及纳闽符合资格的企业，对扩大SKDS至公司名下吉普车及皮卡类别反应积极。”



■阿米占呼吁符合资格但尚未登记的企业，尽快申请柴油补贴。

他说，已获批准加入SKDS的公司，下一步须向石油公司申请车队燃油卡(Fleet Card)，以便购买补贴柴油。

阿米占在山打根体育综合馆出席SKDS车队燃油卡移交仪式时也透露，截至7月23日，全国已有19万12家公司、涉及49万3160辆车登记SKDS，

涵盖3个领域，即公共陆路运输、生活必需品陆路运输，以及公司名下吉普车与皮卡。

他呼吁所有符合资格但尚未登记的企业，尽快通过MySubsidi门户网站提出申请，以享有柴油补贴。

他说，国内贸易及生活成本部将继续与财政部、州政府、石油公司及相关单位合作，持续完善SKDS的落实工作，确保补贴能够精准发放给符合资格的企业。(LPP)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 JULAI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Jul	Pemantauan kedai makan di kampus sama seperti di luar – Fuziah	https://www.hmetro.com.my/amp/akademia/2026/07/1388797/pemantauan-kedai-makan-di-kampus-sama-seperti-di-luar	HARIAN METRO
27-Jul	1,050kg barang kawalan disita di Pulau Banggi	https://www.buletintv3.my/nasional/1050kg-barang-kawalan-disita-di-pulau-banggi/	TV3
27-Jul	Lebih satu tan barang kawalan disita, lelaki ditahan dalam Ops Tiris 4.0	https://www.utusanborneo.com.my/2026/07/24/lebih-satu-tan-barang-kawalan-disita-lelaki-ditahan-dalam-ops-tiris-40	UTUSAN BORNEO
27-Jul	Lebih satu tan barang kawalan disita di Pulau Banggi, seorang lelaki ditahan	https://sayangsabah.com.my/home/2026/07/24/lebih-satu-tan-barang-kawalan-disita-di-pulau-banggi-seorang	SAYANG SABAH
27-Jul	Kerajaan lancar operasi pematuhan khas banteras produk elektrik tidak selamat	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-lancar-operasi-pematuhan-khas-banteras-produk-elektrik	ASTRO AWANI
27-Jul	Kerajaan akan lancar operasi pematuhan khas banteras produk elektrik tidak selamat	https://www.malay.news/kerajaan-akan-lancar-operasi-pematuhan-khas-banteras-produk-elektrik-tidak-selamat/	MALAY NEWS
27-Jul	Operasi khas banteras produk elektrik tidak patuh piawaian	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/operasi-khas-banteras-produk-elektrik-tidak-patuh-piawaian/	RTM
27-Jul	Operasi khas banteras produk elektrik tidak selamat	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/07/1592516/operasi-khas-banteras-produk-elektrik-tidak-selamat	BERITA HARIAN

27-Jul	Companies urged to register for subsidised diesel fleet cards	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/07/27/companies-urged-to-register-for-subsidised-diesel-fleet-cards	THE STAR
27-Jul	67.9% of Sabah, Sarawak, Labuan firms enjoy SKDS benefits	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/67-9-of-sabah-sarawak-labuan-firms-enjoy-skds-benefits/	THE SUN
27-Jul	67.9 peratus syarikat Sabah, Sarawak dan Labuan nikmati manfaat daftar SKDS	https://www.bharian.com.my/berita/nasion-al/2026/07/1593558/679-peratus-syarikat-sabah-sarawak-labuan-nikmati-	BERITA HARIAN
27-Jul	Sambutan SKDS di Sabah memberangsangkan, lebih 5,500 syarikat daftar subsidi diesel bagi jip dan pikap	https://themalay-siapress.com/2026/07/26/sambutan-skds-di-sabah-memberangsangkan-lebih-5500-syarikat-daftar-subsidi-diesel-	THE MALAYSIA PRESS
27-Jul	Pendaftaran SKDS sektor jip dan pikap syarikat di Sabah tertinggi – Armizan	https://wartaoriental.com/2026/07/26/pendaftaran-skds-sektor-jip-dan-pikap-syarikat-di-sabah-tertinggi-	WARTA ORIENTAL
27-Jul	Lebih 25,000 jip dan pikap syarikat berdaftar di bawah SKDS	https://malaysiatribune.news/lebih-25000-jip-pikap-syarikat-berdaftar-di-bawah-skds/	THE MALAYSIA TRIBUNE
27-Jul	Ministries' roles in diesel subsidy schemes: KPDN handles commercial vehicles, MOF oversees individual aid	https://dayakdaily.com/ministries-roles-in-diesel-subsidy-schemes-kpdn-handles-commercial-vehicles-mof-oversees-individual-aid/	DAYAK DAILY
27-Jul	Jom Malaysia! Pacu produk Sabah ke pasaran global	https://demisabah.com/jom-malaysia-pacu-produk-sabah-ke-pasaran-global/	DEMI SABAH